

## Abdul Fattah kekal Presiden Angkasa

SINAR 23/7/2017 MS 9

Foto: ROSLI TALIB

KUALA LUMPUR - Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah sekali lagi berjaya mempertahankan jawatannya dalam pemilihan Persidangan Kebangsaan Tahunan Angkasa ke 32, semalam.

Abdul Fattah mendapat 3,083 undi, menewaskan pencabarnya yang juga Naib Pengerusi Koperasi Ma'ahad Tahfiz Tjjarah Gombak Berhad, Dr Arriffin Mansor memperoleh 569 undi.

Pemilihan itu melibatkan seramai 4016 wakil sah dari 3694 koperasi yang menghadiri dua hari persidangan, berakhir kira-kira jam 4.30 petang semalam.

Pengumuman rasmi itu dibacakan Pengerusi Persidangan Angkasa, Prof Madya Dr Abdul Rahman Abdul Razak Shaik, di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Jawatan Timbalan Presiden pula dimenangi tanpa bertanding oleh Mutadho Bahri.

Naib Presiden dimenangi



Abdul Fatah (empat, kanan) bersama barisan kepimpinan baru selepas Persidangan Kebangsaan Tahunan Angkasa Ke-32, semalam.

Mohamad Azmi Omaruddin dan Dr Mohd Azlan Yahya masing-masing mendapat 2,250 dan 1,712 undi.

Kerusi Pengerusi Persidangan Angkasa, dimenangi Abdul Rahman yang memperoleh undi 2,309, manakala Timbalan Pengerusi Persidangan disandang, Mohamad Noor Mohamad dan Datuk Haron Abdullah masing-masing mendapat 297 dan 116 undi.

Abdul Fatah yang juga Presiden Pertubuhan Koperasi se Asean (ACO) bersyukur di atas perlantikan tersebut yang kini memasuki penggal kedua.

Katanya, dengan pelantikan ini beliau berharap segala perancangn yang sudah dibentuk bersama ahli dapat disempurnakan.

"Saya tidak akan sia-siakan kepercayaan ini dan akan berusaha melaksana apa dirancang,"katanya